

peruntukan tambahan rancangan dan projek seperti ini. Sementara itu peruntukan untuk beberapa projek dan rancangan yang penting telah pun diberikan. Ini termasuklah sebanyak \$33.544 juta bagi melaksanakan rancangan dan projek dalam kawasan Johor Tenggara. Projek dan rancangan yang akan dijalankan itu ialah pembinaan jalanraya, pembangunan kemajuan tanah bagi tanaman kelapa sawit, getah dan lada hitam, projek ternakan lembudi Sisek, dan lain-lain kemudahan sosio-ekonomi bagi rakyat di kawasan tersebut.